

**ATIKA SHAFINAZ** Nazri  
**NIDZAM** Sulaiman  
Universiti Kebangsaan Malaysia

**PARTISIPASI NGO DALAM BANTUAN KEMANUSIAAN  
TERHADAP PELARIAN DI MALAYSIA DAN SUMBANGANNYA  
KE ARAH PENYATUPADUAN MASYARAKAT**

***NGOs' PARTICIPATION IN HUMANITARIAN ASSISTANCE TO  
REFUGEES IN MALAYSIA AND CONTRIBUTION TOWARDS  
SOCIETY INTEGRATION***

*Naratif pelarian di Malaysia bukan seperti yang dijangkakan kerana terdapat sebilangan besarnya hidup dalam keadaan rentan tidak mempunyai keperluan asas seperti tempat tinggal, makanan, kewangan, kesukaran mendapat rawatan kesihatan dan kanak-kanak tidak memperolehi pendidikan secara formal. Ketidastabilan kehidupan pelarian ini telah mendapat perhatian banyak pihak terutama NGO untuk menyalurkan bantuan kemanusiaan. Justeru, konsentrasi utama kajian ini adalah mengenal pasti apakah peranan NGO bagi mengurangkan penderitaan pelarian dan pada masa sama meneliti bagaimana partisipasinya boleh menyumbang kepada penyatupaduan masyarakat. Kajian ini berbentuk kes yang mengaplikasikan pendekatan kualitatif menerusi temu bual separa struktur bersama empat pegawai NGO MyCARE dan pemerhatian turut serta. Pemilihan organisasi ini dibuat berasaskan penglibatan secara aktif membantu pelarian di Malaysia sejak penubuhannya. Dapatan kajian menunjukkan bentuk-bentuk bantuan kemanusiaan bersifat sara hidup, pek makanan, rawatan kesihatan, pendidikan, perundingan, kemahiran sendiri dan ibadah korban telah mengurangkan serba sedikit bebanan yang dihadapi oleh pelarian. Penglibatan NGO, aktiviti, kerjasama pihak luar, penerima sumbangan, pengagihan di merata kawasan, sifat pemurah penderma, sokongan kerajaan di dalam ruang sosial melalui bantuan ini telah menemukan elemen perbezaan agama, bangsa, etnik, gender, usia dan kuasa untuk berkongsi detik perpaduan dan perasaan integrasi.*

**Kata kunci:** *bantuan kemanusiaan, MyCARE, NGO, pelarian, penyatupaduan.*

*The refugee's narrative in Malaysia is unforeseen because most of them live in vulnerability without essential necessities such as shelters, foods, financial issues, difficulties in getting medical*

*treatment and children living sans formal education. The instability of the refugee life has attracted the attention of many actors notably NGOs, to provide humanitarian assistance. Therefore, this paper sheds light on identifying the role of NGOs in alleviating refugee suffering and concurrently to explore how their participation contributes to community integration. This study is a case study that adopted a qualitative approach through a semi-structured interview with four MyCARE's officers and participant observation. The selection of organization has been made based on the active participation of refugees in Malaysia since its establishment. The findings show that forms of humanitarian assistance are subsistence assistance, food packs, health care, education, counselling, self-reliance and qurban have greatly reduced the burden of refugees. The NGOs involvement, activities, foreign partnerships, recipient, distribution across the globe, charitable, government support through this humanitarian activities have found elements of religious, ethnic, ethnic, gender, age and power to share in unity and integration.*

**Keywords:** humanitarian aid, integration, MyCare, NGOs, refugee.

## **Pengenalan**

Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) merupakan pertubuhan yang bernilai di arena global kerana sifatnya sebagai satu kuasa moral<sup>1</sup> dalam mempertingkatkan kualiti kehidupan manusia sejagat dengan menceburi pelbagai bidang berdasarkan visi, misi dan objektif penubuhannya. NGO aktif di pelusuk negara, variasi sektor, mempunyai banyak rakan kongsi dan pelbagai projek yang lebih luas dapat memanfaatkan pelbagai sumber pendanaan.<sup>2</sup> Penulisan Griffiths dan Callaghan<sup>3</sup> menyatakan “*The growth of NGOs highlights the growing significance of ‘people power’ in international relations. This has come about mainly because states have failed to respond to the immediate social, political, environmental, and health needs of individuals*” membuktikan salah satu contoh untuk menunjukkan pertumbuhan NGO menjadi signifikan dan negara kurang berjaya memberi tindak balas segera dalam isu melibatkan operasi kemanusiaan. Jika di peringkat advokasi, kerajaan mempunyai kuasa untuk melakukan apa sahaja seperti mengeluarkan arahan. Namun dalam bidang operasi, kerajaan mempunyai masa, peranan, tugas dan kekurangan tenaga yang terhad.

Penglibatan NGO adalah sebagai satu tindak balas mewakili suara masyarakat setempat untuk memperjuangkan tuntutan hak yang sepatutnya diperolehi dari pelbagai aspek seperti pendidikan, kesihatan dan kemanusiaan.<sup>4</sup> Hall<sup>5</sup> menulis kebanyakan agensi kemanusiaan yang beroperasi adalah untuk

bertindak dalam kes kecemasan kemanusiaan yang berpunca dari konflik peperangan bukannya disebabkan perubahan iklim atau bencana alam. Pada hemah Wierzbicka<sup>6</sup> kemanusiaan adalah meneliti pengalaman manusia tentang apa yang boleh berlaku kepada seseorang dan apa yang boleh dilakukan oleh orang lain dengan cara berfikir, perasaan, bercakap berdasarkan motif dan nilai. Kemanusiaan boleh ditonjol dengan pelbagai mekanisme antara salah satunya adalah menjalankan bantuan kemanusiaan. Smith<sup>7</sup> menyatakan tindakan menjalankan bantuan kemanusiaan untuk membantu orang-orang yang memerlukan telah wujud sepanjang sejarah peradaban manusia.

Aktiviti bantuan kemanusiaan disalurkan kepada semua orang yang memerlukan seperti mangsa perang, bencana alam, kebuluran, miskin, warga tua, gelandangan dan termasuk pelarian. Kegagalan PBB sebagai agensi pengamanan antarabangsa dalam memastikan keselamatan mangsa konflik terbela<sup>8</sup> telah menyebabkan lagi ramai penduduk dunia menjadi pelarian. Pada pandangan Christina,<sup>9</sup> walaupun dilindungi di bawah UNHCR, pelarian masih menghadapi banyak kesulitan untuk memenuhi keperluan kehidupan. Berdasarkan sistem rasmi Malaysia, negara mula menerima kehadiran pelarian pada tahun 1957 daripada Vietnam, kesan konflik Kerajaan Demokratik Vietnam Selatan dan Kerajaan Komunis Vietnam Utara di Hanoi. Pelarian Vietnam telah ditempatkan khusus di Pulau Bidong, Terengganu sebagai penempatan hub perlindungan sementara. Jumlah golongan ini yang mencecah ratusan ribu telah meresahkan kerajaan dan memberi ruang UNHCR membuka pejabatnya secara rasmi di Kuala Lumpur untuk menangani isu pelarian Vietnam.<sup>10</sup> Sehingga menjelang tahun 2020, jumlah pelarian di Malaysia yang hampir mencecah 178, 100 tidak dapat diurus kesemuanya oleh pihak UNHCR. Maka, dengan bercambahnya NGO kemanusiaan di Malaysia, pertubuhan ini perlu membantu untuk mengurangkan bebanan UNHCR dalam memastikan keperluan pelarian di Malaysia. Bagi menguatkan hujah ini, kajian seiring pendapat dengan Galtung<sup>11</sup> dalam mempersoalkan "*What can the NGOs do for the United Nations is more important than the question what can the United Nations do for the NGOs*". Justeru, konsentrasi utama kajian ini adalah mengenal pasti apakah peranan NGO bagi mengurangkan penderitaan pelarian dan pada masa sama meneliti bagaimana partisipasinya boleh menyumbang kepada penyatupaduan masyarakat.

Kajian ini merupakan kajian kes yang bertujuan menyiasat gerakan bantuan kemanusiaan NGO dengan lebih mendalam menerusi pendekatan kualitatif. Data primer diperolehi melalui kaedah temu bual separa struktur bersama empat orang pegawai NGO dan pemerhatian turut serta. Manakala analisis kandungan dari buku, jurnal dan laman sesawang rasmi NGO telah dimanfaatkan sebagai data sekunder. Teknik analisis data yang diaplikasikan adalah tematik untuk melahirkan tema dapatan kajian yang bersifat konkrit. Fokus NGO yang dikaji iaitu Humanitarian Care Malaysia (MyCARE) kerana penglibatannya secara aktif membantu pelarian di Malaysia sejak

penubuhannya.

## Menyingkap Sejarah NGO dan Aktiviti Kemanusiaan

Sarjana akademik berbeza pendapat dalam menyatakan penubuhan NGO antarabangsa pertama di dunia. Jika ditelusuri kajian Skjelsbaek<sup>12</sup> Rosicrucian Order dianggap NGO terawal yang wujud pada tahun 1694. Bagi Charnovits<sup>13</sup>, beliau tidak mempunyai tahun yang tetap dan hanya mengganggu kemunculan NGO terjadi sebelum tahun 1775. Pada ketika itu, NGO lebih bergerak sebagai penyumbang kepada dasar negara. Roman Catholic Church merupakan NGO antarabangsa yang terawal ditubuhkan pada tahun 1775 dan pada tahun sama sebuah organisasi Pennsylvania Society diwujudkan dengan objektif mempengaruhi masyarakat mengenai penghapusan perhambaan. Kemudian pada tahun 1787 segelintir rakyat British mula mengorak langkah menubuhkan NGO untuk melaksanakan penghapusan perhambaan. Charnovits menulis dalam tempoh 1772 sehingga 1842, penubuhan kesatuan lebih mendorong untuk menghapuskan sistem perhambaan. Sejak tahun 1815, kebanyakan NGO yang muncul adalah berorientasikan keamanan di antaranya adalah The American Peace Society (1828) dan The Union Peace Universal (1866) yang telah mencipta pengaruh penting terhadap organisasi dan undang-undang antarabangsa.

Peperangan Solferino pada Jun 1859 mengakibatkan seorang ahli perniagaan dan aktivis sosial Henry Dunant menggerakkan khidmat sosial kepada mangsa-mangsa yang cedera.<sup>14</sup> Pada tahun 1862 beliau menulis sebuah buku "*Memories of Solferino*" sebagai tempat meluahkan rasa dukacita kerana wujudnya pengabaian terhadap mangsa peperangan. Kemudian, pada 17 Februari 1863, Hunry Dunant bertindak menubuhkan International Committee of the Red Cross (ICRC) dengan mengadakan mesyuarat pertama antarabangsa jawatankuasa ICRC di Geneva.<sup>15</sup> Pada tahun 1919, selepas peristiwa perang dunia pertama, Eglantyne Jebb menubuhkan Save the Children Fund (SCF). Rentetan perang Civil Greek tertubuhnya Oxford Committee against the Famine (Oxfam) pada 1942 yang bertanggungjawab memberi bantuan makanan kepada mangsa kebuluran. Selepas perang dunia kedua, organisasi CARE telah beroperasi menghantar bekalan makanan mewakili Amerika Syarikat kepada golongan terjejas di Eropah pada tahun 1946.<sup>16</sup> Berdasarkan kajian Olivo,<sup>17</sup> kebangkitan NGO di Asia bermula apabila PBB menawarkan bantuan selepas terjadinya perang dunia kedua yang menyaksikan pada 1950 terdapat penubuhan NGO di Filipina. Selepas itu, kewujudan NGO mula didapati di Malaysia, India, Bangladesh dan Thailand.

Di Malaysia, Makmor dan Robi<sup>18</sup> memecahkan sejarah dan perkembangan NGO kepada dua fasa iaitu pramerdeka (sebelum 1967) dan selepas kemerdekaan (1957-2000). Penubuhan negeri-negeri selat telah

mengakibatkan berlakunya kedatangan daripada pelbagai rencam etnik khususnya Cina, India dan bangsa Eropah ke Tanah Melayu. Kesannya, wujud variasi persatuan khususnya daripada kalangan kaum Cina pada tahun 1826 yang berteraskan *primodial* (seketurunan) dan *huay kuan* (sewilayah). Objektif penubuhan NGO oleh kumpulan ini adalah untuk menjaga kepentingan dan menyediakan kebajikan kepada kelompok masing-masing. Rentetan kemasukan yang besar terutama di hujung abad ke-19 dan awal ke-20, masyarakat luar yang memonopoli sektor ekonomi dan pendidikan telah mendatangkan ketidakelesaan etnik Melayu sehingga mendorong menubuhkan organisasi sendiri. Kesatuan Melayu Singapura (1926) dan Kesatuan Guru-guru Wanita Melayu Johor (1929) di antara organisasi yang wujud untuk membelas nasib kaum Melayu. Pada fasa kedua dilihat berlakunya percambahan golongan aktivis di Malaysia mengembangkan lagi kegiatan NGO yang merupakan salah satu kesan perkembangan pesat NGO antarabangsa. Di antara NGO yang dapat dikenal pasti adalah Consumers Association of Penang (1969) bertanggungjawab melindungi hak pengguna, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) (1970) yang bercirikan keagamaan dan Aliran Kesedaran Negara (1977) bermotifkan memperjuangkan hak asasi manusia.

### **NGO sebagai Platform Bantuan Kemanusiaan**

Bermula dengan kapasiti kecil, NGO bercambah subur khususnya berperanan sebagai sumber kewangan dan aktiviti kesukarelawan hingga menjadikan NGO sebagai pemacu utama membantu masyarakat sekeliling dan peneraju kepada proses pembangunan negara.<sup>19</sup> NGO kemanusiaan dengan rasminya ketika persidangan dunia PBB (1993) di Vienna dibenarkan berpartisipasi dan berdiskusi mengenai agendanya, menerima tawaran daripada kerajaan untuk berkolaborasi dan membentangkan perkongsiannya mengenai isu-isu hak asasi manusia.<sup>20</sup> Hal ini disebabkan sifat prakarsa NGO yang merupakan aktor pertama berada di tempat wujudnya penindasan ke atas hak asasi manusia.<sup>21</sup>

Kehadirannya sebagai manifestasi kesatuan pergerakan sosial telah mengubah landskap politik-ekonomi global.<sup>22</sup> Konotasi istilah yang di bawa oleh Turner dan Hulme<sup>23</sup> NGO adalah persatuan berdaftar, kumpulan masyarakat, bersifat profesional, pertubuhan amal yang visi, misinya untuk memperbaiki kesejahteraan di dalam bidang-bidang diceburi. Ciri-ciri NGO yang dinyatakan oleh Ataman<sup>24</sup> seperti penubuhannya bukan oleh negara tetapi individu, kumpulan atau masyarakat tertentu. Apabila memperkata mengenai NGO, “*simultaneously implying a ‘non-profit’ orientation*”<sup>25</sup>, masyarakat menyedari bahawa organisasi ini tidak mempunyai keuntungan kerana kebanyakan NGO lebih berteraskan konsep kesukarelawan.<sup>26</sup> Walau bagaimanapun, pengkaji berpendapat dengan lambakan NGO yang wujud, setelah meneliti gerak kerja kelompok ini, pengkaji berpendapat NGO bukan lagi gerakan sukarelawan

kerana kakitangan mereka dibayar gaji bulanan, peratus yang diambil hasil sumbangan orang awam. Maka, konsep kesukarelawan tidak dapat dikaitkan dengan NGO kerana makna sukarela adalah tidak diganjari dengan apa-apa bentuk terutama kewangan.

NGO menggunakan pelbagai mekanisme untuk memperoleh maklumat mengenai mangsa yang memerlukan bantuan kemanusiaan seperti daripada mangsa sendiri, hasil pemeriksaan kecederaan, saksi, laporan akhbar, informasi dari organisasi lain dan demonstrasi jalanan (jika terdapat). Berdasarkan maklumat yang berjaya dikumpul, NGO juga bertanggungjawab untuk menarik perhatian masyarakat, kerajaan, antarabangsa dengan menyebarkan informasi tersebut<sup>27</sup> dan menggalakkan penyertaan ramai pihak. Hal ini bertujuan untuk mendapatkan penyertaan ramai pihak bagi menyatakan solidariti, menyelesaikan isu dan menggalakkan variasi bantuan kemanusiaan terutama kewangan kepada mangsa.

Berdasarkan penulisan Lewis,<sup>28</sup> beliau menyatakan terdapat pelbagai jenis NGO kemanusiaan yang beroperasi, namun untuk memahami pergerakan ini, NGO diklasifikasikan kepada dua bentuk iaitu advokasi dan operasi.<sup>29</sup> Sifat advokasi adalah berperanan mempengaruhi dasar kerajaan untuk mendokong aspirasi yang dibawa NGO dan kerana itu jenis organisasi ini mempunyai kekuatan menjulang kehidupan orang awam ke arah kesejahteraan.<sup>30</sup> Jordan dan Tujil<sup>31</sup> menegaskan visi utama NGO advokasi untuk memperbetulkan hubungan kuasa yang tidak saksama. Manakala NGO bentuk operasi adalah kelompok menjalankan bantuan kemanusiaan kepada sasaran individu, masyarakat dan tempat yang memerlukan bantuan kemanusiaan.<sup>32</sup> Pada kebiasaannya, NGO bersifat operasi terlibat dalam pelbagai bentuk perkhidmatan sosial seperti bekalan air bersih, rawatan kesihatan dan program pendidikan.<sup>33</sup>

Menurut Byman et al.,<sup>34</sup> bantuan kemanusiaan NGO adalah meliputi pelbagai aspek tetapi boleh ditentukan kepada dua jenis iaitu kecemasan dan jangka masa panjang. Beamon dan Balcik<sup>35</sup> menjelaskan dengan lebih mendalam kedua jenis ini iaitu:

- a) Kecemasan: bantuan ini disalurkan kepada mangsa yang memerlukan bantuan dengan kadar segera seperti rawatan kesihatan dan bekalan makanan.
- b) Jangka masa panjang: Aktiviti ini tertumpu kepada manfaat yang boleh dimanfaatkan dalam tempoh yang lama seperti kemudahan pengangkutan, pusat rawatan kesihatan, perumahan dan pembangunan.

Penerima bantuan kemanusiaan menurut Heyse<sup>36</sup> dapat dibahagikan kepada tiga kelompok iaitu mangsa konflik keganasan, keburlan dan ancaman bencana alam. Namun, jika diteliti, kebanyakan NGO yang muncul di melata negara adalah berisikan membantu mangsa konflik keganasan. Senario mangsa penindasan rentetan peperangan yang berlaku ditempat mereka

menyebabkan sebilangannya mati, cedera, terkeping dan sebahagian besar menjadi pelarian ke kawasan lebih selamat.

## Isu Pelarian dan Penglibatan NGO

Penulisan Hakovirta<sup>37</sup> menyatakan dalam banyak topik global yang semakin mendapat tempat dalam kalangan ahli politik dan pakar teori antarabangsa, isu pelarian adalah yang paling dominan bersifat kompleks sukar untuk ditangani. Pada asalnya, pelarian mungkin dianggap sebagai masalah individu tetapi apabila golongan kurang bernasib baik ini hidup ditengah-tengah masyarakat lain dan berada di penempatan lain, secara automatiknya akan menjadi isu kepada masyarakat, kerajaan dan antarabangsa kerana melibatkan soal moral, keselamatan dan pembangunan. Di dalam bahagian ini, pengkaji membahagikan perbincangan mengenai isu pelarian dan penglibatan NGO kepada dua peringkat iaitu antarabangsa dan Malaysia.

### (a) Antarabangsa

Menerusi kajian Loescher<sup>38</sup> mendapati kebimbangan pelarian di Turki, Syria dan Kenya adalah berkenaan dengan isu keselamatan kerana kelompok ini sering menjadi mangsa penahanan, penganaiyaan atau pengusiran ke negara lain. Pihak pasukan penguatkuasa sewenang-wenangnya mengganggu, menahan dan menangkap pelarian. Begitu juga dengan apa yang dikaji oleh Al-Natour et.al<sup>39</sup> pelarian Syria yang berada di bandar dan kawasan luar bandar sukar mengakses kepada bantuan kemanusiaan berbanding pelarian yang tinggal di kem pelarian. Walaupun pelarian berada di luar kawasan kem, mereka masih sukar untuk menjalani kehidupan kerana kekurangan makanan, tiada pekerjaan dan sering dimanipulasi. Di Irbid, Jordan, Krause<sup>40</sup> mendapati wanita pelarian Syria sering diganggu ketika di dalam perjalanan menghantar anaknya ke sekolah sehingga timbul rasa tidak selamat berada di tengah-tengah jalan.

Simpati di atas nasib yang menimpa, munculnya pelbagai NGO sebagai satu tindak balas menyatakan sokongan menerusi bantuan kemanusiaan kepada pelarian. Berpandukan statistik UNHCR, Turki merupakan negara yang menerima banyak pelarian dan kerana itu terdapat pelbagai variasi NGO yang menjalankan aktiviti kerja sosial di sana. El-Khani et.al<sup>41</sup> menyatakan NGO tempatan di Turki telah bertindak menjadikan sebuah dewan perkahwinan bertukar kepada penempatan sementara pelarian Syria yang baru tiba daripada sempadan dengan dibekalkan makanan, produk kebersihan dan susu bayi sepanjang keberadaan mereka di sana. Seperti kebiasaan terdapat banyak NGO yang bekerja dalam bidang bantuan makanan, rawatan kesihatan, keperluan bayi dan menyediakan pendidikan di Turki. Menurut Aksu<sup>42</sup>, NGO

mewujudkan pusat pembelajaran bagi kanak-kanak pelarian Syria di Turki dan menyediakan guru-guru sukarelawan. Moustafa<sup>43</sup> mendapati terdapat klinik perubatan yang dibina di Klis, Turki bagi memudahkan pelarian Syria mendapat rawatan kesihatan.

Di Jordan, ada NGO yang bekerja membantu pelarian wanita yang mengalami gangguan seksual. Kebanyakan para wanita berasa takut untuk membuat laporan kepada pihak berkuasa jika mengalami serangan gangguan seksual. NGO di Jordan telah mengambil langkah mengenal pasti pelarian wanita yang berhadapan dengan situasi buruk. Di samping itu, NGO mewujudkan program kesedaran mengenai gangguan seksual bagi mempertingkatkan kesedaran individu.<sup>44</sup> Berbeza di Lubnan, peranan NGO dilihat lebih berbentuk advokasi oleh Bianchi<sup>45</sup> tentang perjuangan organisasi ini terhadap pelarian Palestin sehingga memberi kesan ke atas dasar kerajaan Lubnan.

Eropah juga menerima tempas lambakan pelarian daripada negara Arab khususnya dan menjadikan fenomena tersebut sebagai krisis yang membimbangkan. Uniknya kajian Kresch dan Mishtal<sup>46</sup>, mereka mengkaji bagaimana dua buah NGO iaitu Associazione Ricreative e Culturale Italiana (ARCI) dan Emergency berfungsi membantu pelarian yang ditangkap oleh penguatkuasa. NGO ini menyediakan peguam dan berusaha membuat perundingan bagi kes pelarian di mahkamah. Selain itu, terdapat juga NGO yang memainkan peranan penting dalam menyampaikan isu pelarian kepada masyarakat melalui media sosial. Yang dan Saffer<sup>47</sup> menyatakan media sosial merupakan platform untuk mempertingkatkan kesedaran mengenai diaspora pelarian dan melaluinya juga dapat memperolehi sumbangan daripada masyarakat luar.

## (b) Malaysia

Fenomena yang berlaku dalam kalangan pelarian di luar negara turut dialami oleh pelarian yang menetap di Malaysia. Tambahan pula, Malaysia bukan sebuah negara yang meratifikasi Konvesyen Pelarian 1951. Walaupun Malaysia masih menjadi destinasi tumpuan pelarian sebagai hub penempatan perlindungan, namun sehingga kini negara tidak membuat sebarang keputusan untuk menjadi anggota konvesyen. Faktor-faktor yang diperolehi adalah kerana dasar pelarian sering bergantung pada penilaian pemimpin Malaysia terhadap kes pelarian, jenis dan jumlah pelarian yang memasuki negara ini. Malaysia juga bimbang pengiktirafan akan bertindak sebagai faktor penarik bagi lebih banyak pelarian antarabangsa memasuki ke negara ini.<sup>48</sup>

Menurut Andika dan Aizat<sup>49</sup> pelarian sering terdedah dengan pelbagai rencam rintangan dan berhadapan dengan diskriminasi ditokok dengan sistem yang kurang berkesan dalam menjamin hak keadilan kelangsungan hidup. Terdapat banyak kajian yang dibincangkan mengenai hambatan kehidupan



pelarian di Malaysia salah satunya Norazira Ali<sup>50</sup>. Beliau menyatakan pelarian Rohingya dibelenggu kemiskinan sehinggakan ada dalam kalangan mereka terpaksa tinggal di bawah jambatan, tapak pembinaan bangunan dan mengemis di kaki lima. Kelompok ini juga mempunyai masalah kesihatan yang serius akibat tidak berkemampuan mendapat rawatan di hospital atau klinik berdekatan. Manakala Intan Suria et.al<sup>51</sup> dan Andika<sup>52</sup> memperoleh pelarian sering menjadi mangsa eksploitasi dan dikhianati oleh pihak tidak bertanggungjawab menjadikan mereka korban pemerdagangan manusia seperti tragedi yang berlaku di Wang Kelian, Perlis. Pengkaji berpendapat, berstatuskan pelarian juga membuat mereka takut melaporkan kejadian buruk yang dihadapinya kerana bagi kumpulan ini mempunyai kad UNHCR tidak mengukuhkan sepenuhnya keberadaan di Malaysia.

Manakala kajian mengenai peranan NGO membantu pelarian di Malaysia secara komprehensif masih bersifat terhad. Kebanyakan pengkaji lebih menumpu kepada penindasan dan penderitaan yang dialami oleh pelarian di Malaysia. Pada masa sama perdebatan tentang NGO kemanusiaan Malaysia lebih cenderung kepada partisipasinya membantu pelarian di peringkat antarabangsa seperti kajian Asmady<sup>53</sup>, Mohd Afandi et.al<sup>54</sup> dan Atika Shafinaz.<sup>55</sup> Mengenai kajian NGO dan pelarian di Malaysia, pertamanya dapat ditelusuri daripada penulisan Azlinariah, Azharudin dan Mohamad Rodzi<sup>56</sup> bahawa inisiatif meningkatkan kesejahteraan pendidikan pelarian Rohingya bermula pada tahun 1998 dengan penglibatan NGO Malaysia seperti Yayasan Salam, Angkatan Belia Muslim Malaysia (ABIM), Yayasan Tzu Chi Malaysia dan Pertubuhan Kebajikan Muslim Malaysia (PERKIM). Bantuan pendidikan ini mempunyai jaringan kerjasama di antara NGO dan UNHCR bagi memperkasakan lagi taraf pendidikan dalam kalangan pelarian Rohingya. Kajian mereka mencadangkan supaya kerajaan boleh memberikan kewarganegaraan, kad pengenalan, dan juga akses kepada hak pendidikan kerana Rohingya yang sudah menetap di Malaysia akan terus berkembang biak untuk generasi berikutnya.

Kajian Norazira<sup>57</sup> juga membincangkan liku-liku kehidupan pelarian Rohingya di Pulau Pinang. Beliau mendapati wujud beberapa sekolah yang ditubuhkan oleh NGO tetapi bercorak community based iaitu digerakkan oleh komuniti pelarian sendiri Persatuan Islam Untuk Kemajuan Rohingya menerusi sinergi UNHCR Malaysia dan NGO tempatan. Guru-guru yang mengajar di sekolah tersebut terdiri daripada etnik mereka sendiri dan dibayar elaun dengan kadar yang sedikit. Di samping itu, Norazira memperoleh penubuhan klinik oleh NGO untuk memudah cara pelarian Rohingya mengakses kepada rawatan kesihatan secara percuma disebabkan kemiskinan yang melanda mereka tidak berkemampuan. Penyelidikan Azlinariah<sup>58</sup> juga mendapati terdapat pertubuhan yang dibina oleh komuniti Rohingya iaitu Pusat Maklumat Rohingya dengan membina jaringan bersama organisasi lain di Taman Bukit Teratai, Johor. Walaupun ibu pejabat NGO ini berada di luar negara, namun tidak menghalang

organisasi ini untuk memastikan survival pelarian Rohingya yang berada di Malaysia dapat dijalani dengan baik.

Sementara itu, pengkaji Atika, Kartini dan Nidzam<sup>59</sup> mengenal pasti Cinta Syria Malaysia (CSM) sebuah entiti yang banyak menyumbang khidmat kepada pelarian Syria di Malaysia terutamanya dalam aspek pendidikan. NGO ini mewujudkan sebuah sekolah khusus untuk anak-anak pelarian Syria di Bandar Seri Puteri, Bangi, Selangor. Di samping itu, CSM turut menyalurkan bantuan kewangan dan bekalan pek makanan kepada keluarga yang memerlukan. Pengkaji terbabit juga turut mengkritik penglibatan NGO Malaysia lebih menumpukan kepada membantu pelarian di luar negara berbanding di Malaysia sedangkan terdapat banyak pelarian yang hidup dalam kemiskinan memerlukan pertolongan.

Abdullahi, Zulkarnain dan Abdul Majid<sup>60</sup> menyatakan organisasi The Malaysian Social Research Institute menerima dana khas UNHCR Malaysia untuk meneruskan operasi sekolah pelarian yang terdiri daripada Somalia, Afghanistan dan Syria. Pengkaji terbabit juga menulis sebuah projek Khas Dana Kemanusiaan Imigran Syria gabungan bersama sembilan NGO Humanitarian Care Malaysia (MyCare), Syria Care Malaysia, Bantuan Kemanusiaan Malaysia dan Bantuan (MAHAR), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), dan IMAM Response and Relief Team (IMARET) telah dibentuk untuk membantu pelarian Syria yang dibawa masuk khas oleh kerajaan Malaysia pada tahun 2016 di bawah Program Penempatan Sementara Migran Syria. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak menyatakan dengan lebih mendalam bentuk bantuan NGO kerana lebih membincangkan mengenai peranan dan pengalaman Malaysia dalam isu pelarian.

Walaupun berada di negara yang selamat jauh dari konflik, namun diaspora berstatuskan pelarian di atas faktor keselamatan, kemiskinan, sukar mengakses kepada rawatan kesihatan dan pendidikan kurang terjamin masih membelenggu kelompok kurang bernasib ini. Kemunculan NGO kemanusiaan telah serba sedikit meringankan bebanan yang dihadapinya. Di Malaysia, kebanyakan bentuk-bentuk bantuan dilihat lebih dominan kepada makanan, kesihatan dan pendidikan. Berbanding di Barat, NGO di sana telah mengorak langkah secara produktif dengan menceburi bidang-bidang yang luar biasa seperti penyediaan tempat tinggal, khidmat guaman dan platform aduan gangguan seksual.

### **NGO Kemanusiaan Malaysia: Humanitarian Care Malaysia (MyCARE)**

Walaupun terdapat pelbagai NGO kemanusiaan yang beroperasi membantu pelarian di Malaysia, namun pengkaji memilih MyCARE sebagai alat analisis kajian dengan menepati penulisan Saravanamuttu<sup>61</sup> iaitu penyampai pelbagai agenda sosial khususnya dalam hak asasi manusia. Kriteria MyCARE menepati

sifat-sifat NGO dalam bantuan kemanusiaan seperti yang dicadangkan oleh Irrera:<sup>62</sup>

- a) Organisasi sebatian dengan peranan membantu.
- b) Pengurusan bantuan perlu menghormati dan bertindak mengikut prinsip-prinsip asas kemanusiaan iaitu kemanusiaan, kesaksamaan, berkecuali dan kebebasan.
- c) NGO bercorak solidariti.
- d) NGO berlatarbelakangkan kepercayaan dengan mempunyai sifat amal dan belas kasihan.

Humanitarian Care Malaysia Berhad (MyCARE) adalah Organisasi Bukan Keuntungan yang telah berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) [Nombor pendaftaran: 729288-P] dan merupakan ahli kepada Komuniti Kemanusiaan Asia Tenggara.<sup>63</sup> Menurut Syazly<sup>64</sup>, sebelum penubuhan MyCARE, NGO tersebut dikenali sebagai Aqsa Syarif Berhad yang telah memulakan operasinya pada Februari 2010:

“Waktu tu khusus untuk bantuan kemanusiaan untuk Palestinian sahaja sama ada di dalam Malaysia dan juga di luar negara lah dan projek kami berterusan sampailah kita ada beberapa relung. Selain daripada Palestinian kita melihat lepas daripada tu ada lagi konflik-konflik yang lain kan macam konflik di Syria, di Yaman, konflik Rohingya, Iraq dan sebagainya. So maksudnya kita tak boleh nak fokus kepada Palestinian semata-mata, untuk Palestine semata-mata tapi kena perluaskan lagi dan sehingga sekarang ini daripada situlah tertubuhnya MyCARE. Dengan kita menggabungkan beberapa ni lah beberapa agensi-agensi yang kecil-kecilah waktu tu dan kita ambil alih beberapa agensi kemanusiaan dibawah IKRAM juga. Daripada MyCARE, daripada Aqsa Syarif. Aqsa Syarif ini dulu sebagai umbrella agensi, sekarang dia jadi macam satu unitlah, bawah payung MyCARE lah.”

Semasa pengoperasian Aqsa Syarif, bentuk bantuan dan aktiviti kerja sosial khusus kepada Palestin sahaja sama ada di Malaysia dan luar negara. Kemudiannya, melihat kepada konflik peperangan dan penganiayaan yang meruncing di beberapa buah negara seperti etnik Rohingya di Myanmar, Syria, Yaman, Iraq dan lain mencetuskan untuk melebarkan sayap bantuan kepada mangsa negara terbabit. Setiap negara atau rantau mempunyai agensi yang mengelolakan dan kesemuanya di bawah satu naungan MyCARE. Agensi-agensi tersebut adalah Aqsa Syarif, IKRAM For Syria, Rose2Rose, Nusantara Care (NICE), Palestine Centre for Excellence (PACE) dan Salam Iraq. Keuntungan hasil ikatan agensi-agensi ini di bawah payung MyCARE

supaya sumber, potensi dan kepakaran dapat digembleng bersama bagi memperkasakan struktur pentadbiran dan penyaluran bantuan. Berdasarkan dapatan temu bual bersama pegawai-pegawai MyCARE dan pemerhatian turut serta, pengkaji memperoleh bentuk-bentuk bantuan kemanusiaan terhadap pelarian di Malaysia adalah:

(a) *Sara hidup*

Sejak penubuhan MyCARE, bantuan sara hidup melibatkan serahan sumbangan kewangan kepada beberapa kelompok pelarian bergantung kepada permintaan seperti Syria dan Iraq<sup>65</sup>. Pengkaji menemui keunikan dalam bantuan kewangan yang disalurkan oleh MyCARE apabila organisasi ini dipilih oleh UNHCR Malaysia untuk bertanggungjawab di dalam projek *Cash Based Intervention* (CBI) kerana kredibiliti pengurusan organisasi ini dalam menyalurkan sumbangan. Menurut Sara<sup>66</sup>, projek CBI merupakan salah satu inisiatif bantuan kewangan jangka masa pendek kepada khusus kepada pelarian Rohingya. Pihak UNHCR telah menyenaraikan nama penerima bantuan kepada pegawai MyCARE untuk diadakan siasatan terlebih dahulu bagi mengenal pasti keabsahan, kriteria dan peringkat kerentanan kes terbabit.

Pihak UNHCR menyediakan informasi latar belakang mengenai penerima CBI seperti nama penuh, alamat tempat tinggal, nombor telefon bimbit, maklumat ahli keluarga dan bentuk masalah yang dihadapi. Jika calon penerima sumbangan terbabit sememangnya layak menerima bantuan, pegawai akan menyerahkan jumlah wang yang telah ditetapkan bagi tempoh penggunaan selama tiga bulan. Selepas tamat tempoh tersebut, pegawai akan membuat lawatan susulan untuk mengetahui sejauh mana wang yang disalurkan dapat menyelesaikan masalah penerima CBI.

(b) *Pek makanan*

Makanan merupakan satu keperluan asas bagi individu untuk memastikan kelangsungan hidup berjalan dengan baik. Namun, masih terdapat pelarian kurang berkemampuan untuk membeli atau mempunyai makanan. NGO bertanggungjawab mengagihkan sumbangan pek makanan kepada keluarga yang kurang berkemampuan dan bantuan ini juga turut disampaikan pada bulan Ramadhan. Berdasarkan temu bual Syazly<sup>67</sup>, MyCARE pernah memberi bantuan makanan kepada keluarga yang suaminya berada di penjara ekoran serbuan pihak penguatkuasa di sekolah dan pasar borong Selayang, Selangor. Menariknya, pertubuhan ini turut bersimpati ke atas tahanan yang berada di dalam depo dengan mengagihkan bantuan makanan bukan sahaja di bulan biasa tetapi juga semasa Ramadhan. Bantuan berbentuk ini juga dapat dikenal pasti pada waktu-waktu kecemasan seperti di musim coronavirus pandemik atau lebih dikomersialkan sebagai COVID-19<sup>68</sup> kepada pelarian Rohingya

yang terjejas sekitar Lembah Klang dan Johor. Kamarul Zaman<sup>69</sup> menyatakan sebanyak RM 25,000.00 telah disumbangkan kepada pelarian Yaman di Malaysia. Selain itu, golongan kurang bernasib baik pelarian Palestin dan Syria juga turut menerima bantuan khusus daripada NGO ini.

(c) *Rawatan kesihatan*

Rata-rata pelarian kurang berkemampuan untuk mendapatkan rawatan kesihatan di hospital dan klinik berhampiran ekoran masalah kewangan. Pada kebiasaannya, NGO akan melaksanakan program khas dengan menyediakan sukarelawan doktor untuk pemeriksaan kesihatan secara percuma bersama bekalan ubat-ubatan. Menariknya penemuan oleh pengkaji, MyCARE menjalankan sesi pemeriksaan ini di pusat-pusat tahanan Imigresen:

“Macam Beecon hospital, kita dapat mobile clinic untuk buat free medical check out. Kita dapat juga daripada Lembaga Zakat Selangor, MAIS dan kita pernah dapat juga dairpada MAIK, Majlis Agama Islam Kelantan. Tahun lepas untuk Rohingya. Di pusat-pusat tahanan pun. Kita buat juga kerjasama dengan Jabatan Imigresen. Kita buat free medical check out untuk tahanan Rohingya sahaja. Di dalam di depo. Ok. Kita buat dapat di depo KLIA dengan Semenyih tapi yang diluar daripada tu maksudnya mobile clinic tu tak boleh nak gerak lah. Just pakai van biasa tapi kita dapat bantuan juga daripada doktor daripada Ikram Health. Macam kita pernah buat di depo Lenggging dan juga depo di Bukit Jalil dengan Ikram Health. Kita buat juga dengan Ikram Health di depo tahanan juru dan juga Belantik, Kedah. Kita dapat kelulusan enam ini sahaja daripada 13 depo seluruh Malaysia lah”<sup>70</sup>

Terdapat dua bentuk pemeriksaan kesihatan yang di jalankan oleh MyCare iaitu di dalam dan luar depo khusus untuk tahanan pelarian Rohingya. Di dalam depo tempat yang terlibat adalah KLIA dan Semenyih. Manakala kawasan luar depo menggunakan van bergerak yang dijenamakan sebagai mobile clinic melibatkan kawasan Lenggging, Bukit Jalil, Juru dan Belantik. Inisiatif ini atas usaha sumbangan kolektif daripada Lembaga Zakat Selangor, Majlis Agama Islam Selangor, Majlis Agama Islam Kelantan dan Ikram Health.

(d) *Pendidikan*

Pendidikan merupakan salah satu aset memenuhi keperluan hak asasi manusia seperti yang termaktub di dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat dan Konvensyen Hak Kanak-kanak<sup>71</sup>. Oleh kerana itu, MyCARE mencari pelbagai mekanisme untuk memastikan anak-anak pelarian mendapat pendidikan secara

formal. Salah satu usaha murni organisasi ini adalah mewujudkan sekolah Tahfiz Rohingya di Seri Kembangan, Selangor. Sekolah tersebut mempunyai sekitar sembilan pelajar dan menetap di asrama yang disediakan sekali oleh pihak pengurusan. Tenaga pengajar terdiri daripada kalangan Rohingya dan terdapat juga kakitangan MyCARE turut sama mengajar khusus subjek Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Arab, Sains dan Matematik.<sup>72</sup> Di samping itu, menurut Sara<sup>73</sup> MyCARE juga mempunyai sebuah sekolah harian di Kulai, Johor tetapi sistem pembelajaran tidak seperti sekolah kebangsaan kerana pembahagian kelas tidak boleh mengikut umur berikutan terdapat masih pelajar yang tidak mampu menulis dan membaca. Manakala bagi kanak-kanak yang tinggal di kawasan jauh menyebabkan sukar untuk ke sekolah, para aktivis MyCARE telah mengambil inisiatif mewujudkan kelas tuisyen secara percuma di Sungai Tekali, Selangor.

Selain itu, pengkaji menemukan terdapat satu projek khas back to school yang diadakan pada setiap akhir tahun sempena pembukan sekolah pada tahun baharu. Bantuan berupa pakaian, kasut, beg dan peralatan tulis bertujuan mengurangkan bebanan para ibubapa untuk membeli barang keperluan baharu anak-anak. Bagi anak-anak yatim, MyCARE menerusi tajaan anak yatim telah menaja kelompok ini untuk terus mendapat pendidikan secara percuma kerana segala perbelanjaan yuran dan keperluan ditanggung oleh organisasi ini. Projek penajaan ini juga dapat memberi manfaat kepada pelarian Palestin yang menyambung pengajian universiti di Malaysia. Mengikut Syazly,<sup>74</sup> bermula tahun 2015 sehingga 2018, MyCARE telah menaja tiga orang pelajar Palestin di peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dengan bayaran RM 1500 sebulan selama tiga tahun. Bagi pelajar universiti bukan PhD, pertubuhan ini telah menyalurkan sumbangan kewangan melalui Palestinian Cultural Organization Malaysia (PCOM).

#### (e) *Perundingan*

Selain penglibatan di dalam operasi, MyCARE turut sama terlibat di bahagian advokasi. Menurut Syazly<sup>75</sup>, NGO membantu pelarian di bawah Program Penempatan Sementara Migran Syria (IMM 13) yang memerlukan pekerjaan tetapi tidak mengetahui saluran dan mekanisme untuk dirujuk. Hasil inisiatif MyCARE, segelintir migran Syria telah menjadi guru dan pekerja buruh. Di samping itu, pengkaji juga menemukan penglibatan kesatuan ini membantu pelarian Rohingya yang mempunyai isu berkenaan kad UNHCR<sup>76</sup>:

“Lain-lain kalau macam dengan UNHCR ni kalau kita buat house visit tu. Macam jiran dia, bila buat house visit tu akan adalah komuniti lain cakap diorang tak ada kad, kad dah expired, anak dia tak ada kad. So kita boleh buat reference kepada UNHCR direct untuk percepatkan proses lah kalau tak diorang kena que lambat, so kalau through NGO

partner dia dipercepatkan sedikitlah sebab kita ada link dengan UNHCR.”

MyCARE akan mencatat laporan yang diterima oleh penerima CBI jika terdapat daripada kalangan mereka mempunyai masalah seperti tidak mempunyai kad, kehilangan atau tamat tempoh untuk dilaporkan kepada UNHCR. MyCARE telah bertindak sebagai jambatan pemudahcara kerana jika NGO ini tidak menggunakan saluran langsung kepada UNHCR, proses tersebut akan mengambil masa panjang.<sup>77</sup> Manakala jika MyCARE mendapat maklumat tentang penangkapan pelarian, tindakan yang diambil adalah:

“Kita memang direct dengan UNHCR. Macam contoh, ada satu tu dia punya husband kena tangkap. Katanya tak bawa kad je yang dia bawa tu hanyalah salinan. Dekat Terengganu. Pelarian Rohingya di Terengganu. So, isteri dia tu mengadu dekat staff kita dekat Terengganu dia cakap suami dia kena tahan lepas tu dia tak ada duit nak makan semua. So kita direct refer to UNHCR minta UNHCR terus contact Imigresen dekat sana tanya kenapa kena tangkap kes apa semua. Penjelasan. Lepas itu dia dah clear apa semua baru release, dia dikeluarkan. Waktu tu. So, kiranya NGO ini boleh main peranan sebagai macam mana nak cakap, orang tengah ke, pembawa maklumat untuk ke pihak yang lebih tinggi lah, sebab itu pentingnya ada networking dengan NGO-NGO lain atau pun dengan agensi-agensi yang apa ya, berautoriti lah macam UNHCR memang ada kuasa lah”<sup>78</sup>

Langkah yang diambil apabila menerima aduan mengenai pelarian yang ditangkap oleh penguatkuasa, MyCARE secara langsung menghubungi UNHCR menyatakan berkenaan kes terbabit untuk tindakan segera kepada imigresen. Menurut MyCARE, NGO mempunyai limitasi peranan untuk menghubungi pihak berkuasa dan sebagai sebuah badan antarabangsa yang bertanggungjawab mengendalikan pelarian, UNHCR lebih berautoriti untuk kes-kes seperti ini.

(f) *Kemahiran sendiri*

Projek kemahiran sendiri adalah satu latihan vokasional yang diajar oleh pegawai dan para sukarelawan MyCARE kepada pelarian khususnya etnik Rohingya. Bentuk-bentuk kemahiran adalah menjahit, memasak dan bercucuk tanam. Objektif utama projek ini dibangunkan adalah untuk membantu pelarian menjana pendapat sendiri hasil dari pembelajaran yang diterimanya dengan disediakan bersama peralatan seperti ketuhar. Kawasan yang terlibat adalah di Sungai Sekamat, Kajang dan Sungai Tekali, Cheras. Pada kenyataan Khadijah,<sup>79</sup> latihan ini juga turut diberikan kepada penerima program CBI

sebagai projek lanjutan setelah tamat tempoh penggunaan sumbangan yang melibatkan negeri di Pulau Pinang dan Johor.

(g) *Ibadah korban*

Projek ibadah korban dilaksanakan ketika sambutan Raya Haji bagi tujuan meraikan golongan pelarian Muslim di Malaysia. Program ini telah memberi manfaat kepada pelarian etnik Rohingya, Palestin, Syria, Yaman. Pada tahun 2019, Syazly<sup>80</sup> menyatakan sebanyak lima ekor lembu korban diagihkan kepada komuniti pelarian etnik Rohingya di sekitar Sungai Sekamat, Kajang, Selangor.

Berdasarkan perbincangan di atas, kajian mendapati terdapat tujuh bentuk bantuan kemanusiaan yang dijalankan oleh MyCARE terhadap pelarian di Malaysia. Bantuan-bantuan tersebut adalah sara hidup, pek makanan, rawatan kesihatan, pendidikan, perundingan, kemahiran sendiri dan ibadah korban. Manakala, penerima manfaat daripada bantuan ini kebanyakan lebih tertumpu kepada pelarian Rohingya, Palestin, Syria dan Yaman. Namun begitu, jika diteliti perbincangan hambatan yang dilalui oleh pelarian di bahagian isu pelarian dan penglibatan NGO, penderitaan pelarian bukan sekadar keperluan asas semata-mata tetapi lebih daripada itu iaitu isu keselamatan dan kesihatan mental. Oleh yang demikian, pengkaji berpandangan NGO boleh melebarkan sayap bantuan dalam bentuk kaunter saluran aduan, menyediakan tempat perlindungan sementara, khidmat bantuan guaman dan rawatan psikologi.

### **Aktiviti-aktiviti MyCARE**

Sebagai sebuah NGO kemanusiaan, MyCARE bertanggungjawab untuk menarik ramai lagi masyarakat bersama-sama menyatakan solidariti kepada pelarian di Malaysia menerusi pelbagai aktiviti yang dianjurkan. Aktiviti ini juga telah menyumbang kepada penyatupaduan masyarakat dalam memperkasakan lagi isu kemanusiaan. Di antara bentuk aktiviti tersebut adalah seperti:

(a) *Walk4humanity*

*Walk4humanity* dikenali sebagai larian kemanusiaan disamping mengajak masyarakat mengamal cara hidup sihat. Acara ini merupakan program tahunan Mycare bertujuan menyebarkan isu kemanusiaan sejagat supaya masyarakat bersama-sama menonjolkan sikap keprihatinan terhadap rakyat Palestin, Syria, Rohingya, Yaman dan sebagainya. Berdasarkan pemerhatian turut serta yang dijalankan pada 16 Februari 2019, pengkaji mendapati *Walk4humanity* telah diadakan di Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS) dengan dihadiri hampir 1000 peserta daripada pelbagai latar belakang gender, usia, agama, negara dan ras. Program ini turut disertai oleh pelarian Palestin dan



Rohingya di Malaysia. *Walk4humanity* telah dirasmikan oleh Ong Kian Ming iaitu (bekas Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (2018-2020)), Raj Murni Sabu (Ahli Dewan Negara), Hasanuddin (Ahli Parlimen Hulu Langat), Saari Sungib (DUN kawasan Hulu Kelang), juga turut hadir memberikan sokongan ialah Shamsidar iaitu isteri kepada Menteri Hal Ehwal Ekonomi pada ketika itu. Setelah acara larian selesai, terdapat aktivis MyCARE memberikan pengisian mengenai isu-isu kemanusiaan semasa kepada semua peserta. Selain itu, para peserta juga diajak untuk bersama-sama menyalurkan sumbangan bagi membantu golongan yang memerlukan. Program ini telah berjalan dengan baik dan menjadikan sebagai satu tapak penyatupaduan semua lapisan masyarakat tanpa menghiraukan sebarang kepentingan.

(b) *Sambutan hari anak yatim sedunia*

Pada 16 November 2019, pengkaji berkesempatan menjadi sukarelawan dalam program *Green Explorace with Orphan* sempena Hari Anak Yatim sedunia yang dijalankan di Paya Indah Wetlands, Dengkil, Selangor. Program ini bertujuan meraikan 55 orang anak-anak yatim dan asnaf Rohingya dari Ethnic Rohingya Communittee of Arakan (ERCA), Tahfiz Al-Amin MyCARE dan Maahad Tahfiz Mahabbah Rohingya, Puchong. Aktiviti-aktiviti yang terdapat di dalam explorace bercorakkan alam sekitar dapat mendidik mendidik para peserta mencintai alam sekitar, memelihara kebersihan dari membuang sampah merata-rata dan menyayangi ciptaan Tuhan. Pengkaji mendapati terdapat hampir 30 orang luar menjadi sukarelawan untuk menjayakan bersama-sama program ini. Keakraban yang dipamerkan oleh para sukarelawan kepada anak-anak pelarian Rohingya telah menimbulkan rasa kasih sayang antara satu sama lain walaupun berbeza negara dan etnik.

(c) *Seminar dan Pameran*

Terdapat pelbagai aktiviti berbentuk seminar dan pameran yang dilaksanakan oleh MyCARE untuk menyebarkan isu kemanusiaan kepada rakyat Malaysia khususnya. Salah satu seminar yang telah pengkaji hadiri adalah *Humanitarian Operations Experience (HOPE 2019)* pada 12 dan 13 Febuari 2019 bertempat di Tzu Chi<sup>81</sup>, Kepong, Kuala Lumpur. Program ini merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh Pusat Penyelidikan Bantuan Kemanusiaan & Bantuan Bencana, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM). Namun, program tahun 2019 ini telah bersinergi bersama MyCARE dan Tzu Chi Foundation. HOPE telah memberi ruang untuk dua orang pegawai MyCARE berkongsi mengenai pengalaman mereka dalam dunia kemanusiaan dan membuka pameran yang dapat dikunjungi peserta bagi mendapat informasi terkini berkaitan isu-isu kemanusiaan semasa. Walaupun program ini dijalankan di tempat Tzu Chi yang kelihatan seperti gereja, namun tidak menghalang para

peserta beragama Islam datang turut serta. Pengkaji mendapati peserta yang hadir ke dalam program ini adalah daripada pelbagai iaitu pelajar sekolah jenis kebangsaan Cina, mahasiswa UPNM, institusi-institusi keagamaan, UNHCR dan aktivis kemanusiaan.

## **Partisipasi MyCARE ke arah Penyatupaduan Masyarakat**

Kemanusiaan merupakan tapak kepada penyatupaduan menemukan banyak pihak seperti orang bukan Islam membantu golongan Islam, kaya memberi sumbangan kepada miskin, rakyat Malaysia prihatin terhadap bukan warganegara dan lelaki menolong wanita. Walaupun MyCARE dilihat seperti sebuah pertubuhan bercirikan Islam namun hakikatnya pergerakan organisasi ini tidak bersifat jumud hanya berada di dalam relung agama. MyCARE meraikan semua pihak untuk turut serta dalam aktiviti sosial dan terdapat juga pekerja NGO ini merupakan etnik Cina<sup>82</sup>. Selain itu, jaringan sinergi MyCARE bersama agensi lain tanpa mengira status dapat dikira sebagai kesepaduan mengutamakan kemanusiaan. Walaupun UNHCR sebuah badan antarabangsa berasal daripada Barat, bukan beridentiti Islamisasi, keprihatinannya bekerjasama dengan MyCARE membantu pelarian Rohingya Muslim di Pulau Pinang dan Kedah juga sebagai salah satu sumbangan penyatupaduan kemanusiaan. MyCARE juga mewujudkan jaringan dengan NGO bukan Islam salah satunya pertubuhan Tzu Chi Foundation untuk membantu pelarian Rohingya di Malaysia dalam pelbagai aspek. Di samping itu, terdapat pelbagai program kolaborasi MyCARE dan Tzu Chi untuk menyebarkan isu kemanusiaan kepada semua lapisan masyarakat terutama kepada kaum Cina di Malaysia supaya permasalahan pelarian tidak dilihat dari sudut agama semata-mata.

Gerakan sosial ini juga turut menerima kritikan “memilih bulu” membantu golongan tertentu sahaja oleh sesetengah pihak, tetapi kontrakdasinya sebagai sebuah pertubuhan amal yang mendokong kepada isu kemanusiaan, partisipasi MyCARE tidak pernah menyebelahi kepada mana-mana pihak dengan membezakannya dari dimensi agama, bangsa, warna kulit<sup>83</sup>. Jika ditelusuri kembali perbincangan bentuk bantuan kemanusiaan oleh MyCARE kepada komuniti pelarian, penerima manfaat adalah daripada pelbagai etnik, negara termasuk Rohingya, Palestin, Syria dan Yaman. Malah, segelintir daripada yang dibantu bukan daripada penganut agama Islam seperti bantuan yang diberikan semasa COVID-19 kepada pelarian bukan Islam Myanmar dan juga terdapat aliran fahaman berlainan seperti syiah berbangsa Arab.

Pendekatan yang diambil oleh MyCARE adalah menyemaikan sikap berkecuali berpaksikan kepada humanitarian sephere<sup>84</sup> iaitu mendasarkan falsafah ini kepada dua kepercayaan: pertama, bahawa golongan yang dilanda bencana atau konflik mempunyai hak untuk hidup dengan bermaruah menerusi

bantuan kemanusiaan. Kedua, semua tindakan yang dilakukan seharusnya berprinsipkan kepada meringankan penderitaan mangsa. Seperti UNHCR, MyCARE turut mengaplikasikan kaedah sama iaitu jika terdapat mana-mana pelarian memerlukan pertolongan daripada bukan Islam, berbeza fahaman, penjenayah atau transgender, organisasi ini tetap utuh menyalurkan bantuan.<sup>85</sup>

Oleh kerana itu, kerja sosial oleh MyCARE kepada pelarian melibatkan banyak daerah di Malaysia terutamanya di ceruk-ceruk pendalaman untuk memastikan tiada golongan tercicir dari menerima bantuan seperti inisiatif kelas tuisyen kepada kanak-kanak Rohingya di Sungai Tekali, Selangor. Penglibatan para sukarelawan turut serta dalam aktiviti sosial MyCARE yang datang dari pelbagai latar belakang gender, usia dan etnik melambangkan penyatupaduan dalam menjulang isu kemanusiaan. Menariknya, walaupun mengetahui tidak mempunyai bayaran di atas khidmat sosial tersebut, aktivis tetap tampil secara sukarela malah jumlah kehadiran mereka di lapangan dalam kuantiti yang membanggakan.

Sumbangan daripada pelbagai lapisan masyarakat kepada MyCARE turut melambangkan kesepaduan dalam merasa empati terhadap satu sama lain. Kamarul Zaman<sup>86</sup> menjelaskan dana yang diperolehi dalam projek khas COVID-19 menerusi derma orang awam hampir setengah juta dan RM 100,000 darinya adalah hasil daripada komuniti Cina di Malaysia. Walaupun mengetahui MyCARE diuruskan oleh orang beragama Islam dan penderma etnik Cina sendiri mempunyai pilihan untuk membuat saluran derma kepada organisasi agamanya, sumbangan masih dihulurkan kerana yang menjadi penilaian adalah kredibiliti, ketulusan dan komitmen NGO.

Namun begitu, perlu diteliti kembali dalam semua penglibatan ruang sosial ini, jika tiada kebenaran daripada pihak kerajaan, maka sudah tentu aktiviti bantuan kemanusiaan NGO akan terhalang. Sebaliknya, kerajaan Malaysia dilihat bersifat fleksibel dan meraikan partisipasi NGO untuk membantu pelarian di Malaysia. Buktinya apabila wujud sekolah-sekolah dan pusat komuniti pelarian yang dibangunkan oleh NGO bebas menjalankan sebarang kerja sosial selagi mana tidak melanggar undang-undang negara. Pemeriksaan kesihatan yang dilakukan oleh MyCARE terhadap pelarian Rohingya di depo tahanan imigresen juga merupakan salah satu lambang kerajaan memberi ruang kemanusiaan kepada NGO. Sementalahan badan amal ini sering dijemput oleh kerajaan dalam isu-isu berbangkit pelarian sama ada untuk mengambil pandangan atau sebagai perlaksanaan dasar seperti di dalam program IMM 13.

## **Kesimpulan**

Liku-liku kehidupan berstatuskan pelarian ternyata begitu kompleks kerana kelompok ini terpaksa berhadapan dengan hambatan-hambatan yang mencengkam diri seperti keselamatan diri, tempat tinggal, kemiskinan,

masalah kesihatan dan tiada pendidikan. Terbit rasa empati terhadap pelarian, tampil pelbagai NGO membantu menerusi aktiviti bantuan kemanusiaan salah satunya adalah MyCARE. Pengkaji dapat mengenal pasti bahawa organisasi ini adalah cenderung bercorakkan operasi berbanding advokasi kerana terdapat variasi aktiviti kemanusiaan yang digerakkan sama ada bantuan kecemasan atau jangka masa panjang. Di antara bentuk-bentuk bantuan yang disediakan seperti pemberian kewangan untuk sara hidup, pek makanan, rawatan kesihatan, pendidikan secara formal, perundingan, latihan kemahiran sendiri dan ibadah korban. Namun begitu, pengkaji berpendapat bantuan keperluan asas sahaja tidak mencukupi kerana berdasarkan perbincangan kajian isu-isu yang melingkari pelarian terdapat keperluan lain yang menjadi tuntutan. Oleh itu, pengkaji mencadangkan supaya NGO boleh melebarkan sayap bantuan dalam bentuk membuka kaunter saluran aduan, menyediakan tempat perlindungan sementara, khidmat bantuan guaman dan rawatan psikologi.

Berdasarkan perbincangan dapatan bantuan, pengkaji memperoleh walaupun MyCARE kelihatan seperti faith-based berorientasi keagamaan, namun tidak menghalang untuk organisasi ini menjalinkan sinergi bersama badan antarabangsa daripada Barat dan NGO bukan Islam lain dalam memperkasakan aktiviti kebajikan sosial kepada pelarian di Malaysia. Hasilnya, bantuan kemanusiaan dapat diagihkan kepada semua lapisan pelarian tanpa mengira negara, agama, bangsa, etnik, fahaman, gender dan usia. Saluran sumbangan juga berkeupayaan menembusi beberapa kawasan luar bandar seperti di Kedah, Pulau Pinang, Terengganu dan Johor supaya memastikan tiada komuniti yang tercicir. Aktiviti-aktiviti seperti *Walk4humanity*, sambutan hari anak yatim sedunia dan seminar dan pameran telah mengumpulkan banyak lapisan masyarakat yang berbeza latar belakang untuk berkongsi perasaan kemanusiaan sekalu gus menyumbang ke arah kesepaduan. Uniknyanya MyCARE apabila terdapat para penyumbang bukan sahaja orang Islam tetapi juga bukan Islam khususnya etnik Cina di Malaysia. Hal ini memaparkan bahawa perbezaan agama bukan penghalang kerana kasus asas yang lebih utama dinilai penderma adalah dari sudut kredibiliti pengurusan dan ketangkasan NGO menjalankan aktiviti kemanusiaan. Aktiviti sosial ini juga tidak akan berjaya berlangsung jika tiada kebenaran dan ruang daripada kerajaan Malaysia. Sokongan padu yang ditonjolkan oleh kerajaan malah wujudnya jalinan interaksi kerjasama dalam isu pelarian di Malaysia merancakkan lagi kerja kebajikan sosial ini. Maka, penglibatan NGO, aktiviti, kerjasama pihak luar, penerima sumbangan, pengagihan di merata kawasan, sifat pemurah penderma, sokongan kerajaan di dalam ruang sosial melalui bantuan ini telah menemukan elemen perbezaan agama, bangsa, etnik, gender, usia dan kuasa untuk berkongsi detik perpaduan dan perasaan integrasi.

## Nota Akhir

1. Ritzer, G, *Globalization: The Essentials*, United Kingdom, Wiley-Blackwell. 2011, hlm. 76.
2. Molenaers, N., Jacobs, B. & Dellepiane, S, NGOs and aid fragmentation: the Belgian case. *International Journal of Voluntary and Nonprofit Organizations*, vol.25(2), 2014, hlm. 381.
3. Griffiths, M. & O'Callaghan T, *International relations: The key concepts*, Routledge, London, 2002, hlm. 217.
4. Morni Hanim Salleh, Mohd Samsudin & Suffian Mansor, Penglibatan organisasi badan bukan kerajaan dalam pendidikan di Tanah Melayu, 1920-1950-an. *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, vol.46(2), 2019, hlm. 135.
5. Hall, N. W. T. A catalyst for cooperation: The inter-agency standing committee and the humanitarian response to climate change. *Global Governance*, vol.22(3), 2016, hlm. 375.
6. Wierzbicka, A. Defining 'the humanities', *Culture & Psychology*, vol.17(1), 2011, hlm. 36.
7. Smith, R. H. History and principles of humanitarian action, *Turk J Emerg Med*, vol. 5(1), 2015, hlm. 5.
8. Kartini Aboo Talib, Muhammad Helmy Abd. Gapar & Ahmad Munawar Ismail, Ekstremisme: maksud dan konteks keganasan, *Journal of History, Politics & Strategic Studies*, vol.46(2), 2019, hlm. 161.
9. Christina Ong, Jian Mei Chai, Chee Seng Tan & Swee Mee Tan, Communicative readiness and motivation among UNHCR refugee teachers of english in Malaysia, *Journal of Social Science*, vol.4, 2018, hlm. 2.
10. Syahrul Alim Baharuddin & Azlizan Mat Enh, Pelarian Vietnam: satu isu global dalam sejarah hubungan luar Malaysia. *Journal of Nusantara Studies*, vol.3(1), 2018.
11. Galtung, H. A new era nongovernmental organizations in the UN?“, *Transnational Association*, vol.3, 1986, hlm. 183-186.
12. Skjelsbaek, K, The growth of international nongovernmental organization in twentieth century, *International Organization*, vol.25(3), 1971, hlm. 424.
13. Charnovitz, S, Two centuries of participation: NGOs and international governance, *Michigan Journal of International Law*, vol.18(2), 1997, hlm. 190-195.
14. Mansbach, W, R. & Rafferty, L, K. *Introduction to Global Politics*, Routledge Taylor & Francis Group, London and New York, 2008, hlm. 443.
15. Aeberhard, P, A historical survey of humanitarian action. *Health and*

- Human Rights*, vol.2(1), 1996, hlm. 34.
16. Lewis, D. *Nongovernmental Organizations, Definition and History*, in Anheier, H.K., Toepler, S., eds., *Encyclopaedia of Civil Society*, 1st Edition. New York, Springer, 2010, hlm. 3.
  17. Olivo, U. M., Evolution on the term nongovernmental organization (NGO), *Revista Venezolana de Análisis de Coyuntura*, vol.13(2), 2007, hlm. 104.
  18. Makmor Tumin & Robi Nurhadi, Sejarah dan perkembangan NGO di Malaysia, *Jurnal Sejarah*, vol.15, 2007, hlm. 164-169.
  19. Murtaza, N., & Austin, M. J., Strategic management of NGOs in developing countries, *Journal of Nonprofit Education and Leadership*, vol.2(1), 2011, hlm. 11.
  20. Mihr, A., *Non-Governmental Organizations in the Human Rights World in Reinalda*, B., The Ashgate Research Companion to Non-State Actors, Ashgate Publishing Limited, England. 2011, hlm. 377-390.
  21. McKay, F., *The Role of Human Rights NGOs in Relation to ICC Investigations. Human Rights First (The New Name of Lawyers Committee for Human Rights)*, New York, A Human Rights First Publication. 2004.
  22. Teegen, H., Doh, J., & Vachani, S., The importance of non-governmental organizations (NGOs) in global governance and value creation: an international business research agenda, *Journal of International Business Studies*, vol.35(6), 2004, hlm. 463.
  23. Turner, M. & Hulme, D., *Governance, Administration and Development: Making the State Work*, USA, Kumarian Press, 1997, hlm. 200.
  24. Ataman, M., The impact of non-state actors on world politics: a challenge to nation-states. *Turkish Journal of International Relation*, vol.2(1), 2003, hlm. 43.
  25. Götz, N., Reframing NGOs: The identity of an international relations non-starter, *European Journal of International Relations*, vol.14(2), 2008, hlm. 234.
  26. A.Mingst, K., *Essentials International Relations* (3rd ed.), New York, London, W.W. Norton & Company, 2004.
  27. Marcinkutė, L., The role of human rights NGOs: human rights defenders or state sovereignty destroyers?, *Baltic Journal of Law & Politics*, vol.4(2), 2011, hlm. 59.
  28. Lewis, D., *Nongovernmental Organizations, Definition and History*, in Anheier, H.K., Toepler, S., eds., *Encyclopaedia of Civil Society*, 1st Edition, New York, Springer, 2010, hlm. 38.
  29. Kanbur, R., Economic Policy, *Distribution And Poverty: The Nature Of Disagreements*, *World Development*, vol. 29(6), 2001, hlm. 1084.

30. A.Mingst, K, *Essentials International Relations* (3rd ed.), New York, London, W.W. Norton & Company, 2004.
31. Jordan, L., & Tuijl, P. V, *Political Responsibility in NGO Advocacy Exploring Emerging Shapes of Global Democracy*, 1998, Global Forum Policy: <https://www.globalpolicy.org/component/content/article/176/31355.html>.
32. Lewis, D, *Nongovernmental Organizations, Definition and History*, in Anheier, H.K., Toepler, S., eds., *Encyclopaedia of Civil Society*, 1st Edition, New York, Springer, 2010.
33. Galbreath, J, Are boards on board? a model of corporate board influence on sustainability performance. *Journal Of Management & Organization*, vol.18(4), 2012, hlm. 450. Guay, T., Doh, J. P., & Sinclair, G. Non-governmental organizations, shareholder activism, and socially responsible investments: ethical, strategic, and governance implications, *Journal of Business Ethics*, vol.52(1), 2004, hlm. 126.
34. Byman, D., Lesser, I., Pirnie, B., Benard, C., & Waxman, M, *Strengthening the partnership : improving military coordination with relief agencies*. RAND project air force. Arlington, RAND, 2000.
35. Beamon, M.B., & Balcik, B, Performance measurement in humanitarian relief chains. *International Journal of Public Sector Management*, vol.21(1), 2008, hlm. 5.
36. Heyse, L, Tragic choices in humanitarian aid: a framework of organizational determinants of NGO decision making. *International Journal of Voluntary and Nonprofit Organizations*, vol.24(1), 2013, hlm. 68-92.
37. Hakovirta, H, The global refugee problem: a model and its application. *International Political Science Review*, vol.14(1), 1993, hlm. 35–57.
38. Loescher, G, Blaming the victim: Refugees and global security. *Bulletin of the Atomic Scientists*, Vol.58(6), 2002, hlm. 35.
39. Al-Natour, A., Al-Ostaz, S. M., & Morris, E. J, Marital violence during war conflict: the lived experience of Syrian refugee women. *Journal of Transcultural Nursing*, 00(0), 2018, hlm. 1.
40. Krause, S., Williams, H., Onyango, M, A., Sami, S., Doedens, W., Giga, N., Stone, E., Tomczyk, B. Reproductive health services for Syrian refugees in Zaatri Camp and Irbid City, Hashemite Kingdom of Jordan: an evaluation of the minimum initial services package. *Conflict and Health*, vol.9(1), 2015, hlm. 5.
41. El-Khani, A., Ulph, F., Peters, S. & Calam, R. Syria: refugee parents' experiences and need for parenting support in camps and humanitarian settings. *Vulnerable Children and Youth Studies*, vol.13(1), 2008, hlm. 19-29.
42. Aksu Kargin, I, The Syrian refugees in Turkey: their living conditions

- and the ways in which their presence has affected Turkish society (Order No. 10196169). Diakses melalui ProQuest Dissertations & Theses Global, (1848269085), 2016.
43. Moustafa, M, Telepsychiatry and mental health care for Syrian refugees in Turkey (Order No. 3717905), Diakses melalui ProQuest Dissertations & Theses Global, (1711728428), 2015.
  44. MacTavish, E, Barriers of reporting sexual violence in Syrian refugee camps (Order No. 10239637), Diakses melalui ProQuest Dissertations & Theses Global. (1848960778), 2016.
  45. Bianchi, S, Advocating “dignity” and “return” for Lebanon’s Palestinians: imagining a diasporic project. *Refugee Survey Quarterly*, vol.33(3), 2014, hlm. 118–138.
  46. Kersch, A. & Mishtal, J. Asylum in Crisis: Migrant policy, entrapment, and the role of non-governmental organisations in Siracusa, Italy, *Refugee Survey Quarterly*, vol.35(4), 2016, hlm. 97–121.
  47. Yang, A., & Saffer, A, NGOs’ advocacy in the refugee crisis: a study of agenda building in the digital age. *American Behavioral Scientist*, vol.62(4), 2018.
  48. Arzura Idris, Malaysia and forced migration, *Intellectual Discourse*, vol.20(1), 2012, hlm. 41. Hoffstaedter, G. Refugees, Islam, and the state: the role of religion in providing sanctuary in Malaysia, *Journal of Immigrant & Refugee Studies*, Vol.15(3), 2017, hlm. 297.
  49. Andika Ab.Wahab & Aizat Khairi, Right to justice and legal aid barriers to the vulnerable non-citizens in Malaysia. *Geografia*, Vol.16(1), 2020, hlm. 13.
  50. Norazira Ali, Cabaran-cabaran pelarian Rohingya Muslim: Kajian kes di Pulau Pinang. Social Sciences Postgraduate International Seminar (SSPIS). ISBN 978-967-11473-1- 3. 265-274. 2014.
  51. Intan Suria Hamzah, Sity Daud, Nor Azizan Idris & Muhammad Shamshinor Abdul Azzis, Migrasi rentas sempadan etnik Rohingya dan implikasi terhadap Malaysia. *Jurnal Sains Insani*, Vol.1, 2016, hlm. 36-43.
  52. Andika ab. Wahab, The Colours of exploitation: smuggling of Rohingyas from Myanmar to Malaysia, *Akademika*, vol.88(1), 2018, hlm. 5-16.
  53. Asmady Idris, Malaysian non-governmental organizations (NGOs) and humanitarian issues in Gaza, Palestine. *International Journal Of West Asian Studies*, vol.4(1), 2012, hlm. 49-78.
  54. Mohd Afandi Salleh, Mohd Roslan Mohd Nor, Mohd Fauzi Abu Husin, Abdul Majid Mohamad, Muhamad Lotfi Yusob & Noor Atika Shafinaz Nazri, The role of Malaysian NGOs on Palestinian issues: Aqsa Syarif Berhad. *Pertanika*, Vol. 25(S), 2017, hlm. 133 142.
  55. Atika Shafinaz Nazri, Peranan Viva Palestina Malaysia dalam konflik



- kemanusiaan di Palestin. *Islam Relitas*, Vol.3(1), 2017, hlm. 48-64.
56. Azlinariah Abdullah, Azharudin Mohamed Dali & Mohamad Rodzi Abd Razak, Surviving stateless refugees: the uncertain future of Rohingya's children in Malaysia, *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol.45(1), 2018, hlm. 184-185.
57. Norazira Ali, Cabaran-cabaran pelarian Rohingya Muslim: kajian kes di Pulau Pinang, Social Sciences Postgraduate International Seminar (SSPIS), ISBN 978-967-11473-1- 3. 265-274, 2014.
58. Azlinariah Abdullah, Diaspora Rohingya di Malaysia: pengekalan identiti dan survival masyarakat minoriti. *Sarjana*, vol.29(1), 2014, hlm. 107-122.
59. Atika Shafinaz Nazri, Kartini Aboo Talib@Khalid & Nidzam Sulaiman, Syrian Muslim refugees in Malaysia: The narratives and survivability, *Islam Realitas*, vol.5(2), 2019, 130-144.
60. Abdullahi Ayoade Ahmad, Zulkanain Abdul Rahim & Abdul Majid Hafiz Bin Mohamed, The refugee crisis in Southeast Asia: the Malaysian experience, *International Journal of Novel Research in Humanity and Social Sciences*, vol.3(6), 2016, hlm. 80-90.
61. Saravanamuttu, J. *Malaysian Civil Society-Awakenings? Dalam Risking Malaysia Culture, Politics and Identity*, Penerbit UKM, Bangi, Diedit oleh Maznah Mohamad dan Wong Soak Koon, 2001, hlm. 108.
62. Irrera, D. Civil society and humanitarian action: NGOs' roles in peace support operations: Review of central european affairs review of central european affairs. *Perspectives*, vol.19(1), 2011, hlm. 91.
63. MyCARE. <https://www.mycare.org.my/about-us/introduction/> [17 Jun 2020].
64. Temu bual bersama Syazly, Pegawai Projek MyCARE di Seri Kembangan pada 9 November 2019.
65. Temu bual bersama Syazly, Pegawai Projek MyCARE di Seri Kembangan pada 9 November 2019.
66. Temu bual bersama Sara, Pegawai Projek MyCARE di Seri Kembangan pada 9 November 2019.
67. Temu bual bersama Syazly, Pegawai Projek MyCARE di Seri Kembangan pada 9 November 2019.
68. Pada Disember 2019, penyakit pneumonia dengan sebab yang tidak diketahui telah dikenal pasti di Wuhan, wilayah Hubei di China. Penularan ini dikaitkan epidemiologi Pasar *Huanan Seafood Wholesale* yang terdapat banyak jualan haiwan hidup (Hui et.al, 2020) menjadi makanan kebiasaan penduduk di sana. Virus ini boleh merebak melalui proses inkubasi atau jangkitan resesif menyebabkannya sukar untuk dikenal pasti dengan kadar segera (Zhu, Wei & Niu, 2020:2). Virus ini kemudiannya telah merebak ke merata

negara termasuk Malaysia sehingga memberi impak ke atas ekonomi negara dan kesan mendalam kepada banyak pihak khususnya bagi golongan kelas rendah.

69. Temu bual bersama Kamarul Zaman, Ketua Pegawai Eksekutif, melalui telefon pada 1 Mei 2020.
70. Temu bual bersama Syazly, Pegawai Projek MyCARE di Seri Kembangan pada 9 November 2019.
71. Peterson, S, D. Refugee Education. *Educational Researcher*, vol.45(9), 2016, hlm. 475.
72. Temu bual bersama Syazly & Sara, Pegawai Projek MyCARE di Seri Kembangan pada 9 November 2019.
73. Temu bual bersama Sara, Pegawai Projek MyCARE di Seri Kembangan pada 9 November 2019.
74. Temu bual bersama Syazly, Pegawai Projek MyCARE di Seri Kembangan pada 9 November 2019.
75. Temu bual bersama Syazly, Pegawai Projek MyCARE di Seri Kembangan pada 9 November 2019.
76. Temu bual bersama Sara, Pegawai Projek MyCARE di Seri Kembangan pada 9 November 2019.
77. Temu bual bersama Sara, Pegawai Projek MyCARE di Seri Kembangan pada 9 November 2019.
78. Temu bual bersama Sara, Pegawai Projek MyCARE di Seri Kembangan pada 9 November 2019.
79. Temu bual bersama Khadijah, Pegawai Projek MyCARE di Seri Kembangan pada 9 November 2019.
80. Temu bual bersama Syazly, Pegawai Projek MyCARE di Seri Kembangan pada 9 November 2019.
81. Tzu Chi merupakan NGO berdaftar secara rasmi pada 1995 yang dikendalikan oleh banyak etnik Cina Malaysia. Bervisikan “menolong orang yang memerlukan dan mendidik orang kaya”, walaupun sebuah entiti bukan Islam, NGO ini telah banyak menabur bakti kepada masyarakat Islam di Malaysia dan salah satunya pelarian Muslim Rohingya. Maklumat lanjut boleh layari <https://www.tzuchi.my/>
82. Temu bual bersama Kamarul Zaman, Ketua Pegawai Eksekutif, melalui telefon pada 1 Mei 2020.
83. Temu bual bersama Syazly, Pegawai Projek MyCARE di Seri Kembangan pada 17 Februari 2020.
84. Projek Sphere - atau “Sphere” - dimulakan pada tahun 1997 oleh sekumpulan NGO dan ICRC. Tujuan mereka adalah untuk meningkatkan kualiti tindakan mereka semasa tindak balas bencana dan dipertanggungjawabkan kepada mereka. Maklumat lanjut boleh rujuk [https://www.unicef.org/cholera/Annexes/Supporting\\_Resources/Annex\\_9/Sphere\\_Handbook\\_English\\_2011\\_web.pdf](https://www.unicef.org/cholera/Annexes/Supporting_Resources/Annex_9/Sphere_Handbook_English_2011_web.pdf)

85. Temu bual bersama Sara, Pegawai Projek MyCARE di Seri Kembangan pada 17 Febuari 2020.
86. Temu bual bersama Kamarul Zaman, Ketua Pegawai Eksekutif, melalui telefon pada 1 Mei 2020.

## Rujukan

- A.Mingst, K. 2004. *Essentials International Relations* (3rd ed.). New York. London: W.W.Norton & Company.
- Abdullahi Ayoade Ahmad, Zulkanain Abdul Rahim & Abdul Majid Hafiz Bin Mohamed. 2016. "The refugee crisis in Southeast Asia: The Malaysian experience", *International Journal of Novel Research in Humanity and Social Sciences*, 3(6), 80-90.
- Aeberhard, P. 1996. "A historical survey of humanitarian action", *Health and Human Rights*, 2(1), 30-44.
- Aksu Kargin, I. 2016. "The Syrian refugees in Turkey: their living conditions and the ways in which their presence has affected Turkish society" (Order No. 10196169). ProQuest Dissertations & Theses Global. (1848269085).
- Al-Natour, A., Al-Ostaz, S. M., & Morris, E. J. 2018. "Marital violence during war conflict: the lived experience of Syrian refugee women". *Journal of Transcultural Nursing*, 00(0), 1-7.
- Andika Ab. Wahab. 2018. "The colours of exploitation: smuggling of Rohingyas from Myanmar to Malaysia". *Akademika*, 88(1), 5-16.
- Andika Ab. Wahab & Aizat Khairi. 2020. "Right to justice and legal aid barriers to the vulnerable non-citizens in Malaysia". *Geografia*, 16(1), 13-23.
- Arzura Idris. 2012. "Malaysia and forced migration", *Intellectual Discourse*, 20(1), 31-54.
- Asmady Idris. 2012. "Malaysian non-governmental organizations (NGOs) and humanitarian issues in Gaza, Palestine". *International Journal Of West Asian Studies*, 4(1), 49-78.
- Ataman, M. 2003. "The impact of non-state actors on world politics: a challenge to nation-states". *Turkish Journal of International Relation*, 2(1), 42-66.
- Atika Shafinaz Nazri. 2017. Peranan Viva Palestina Malaysia dalam konflik kemanusiaan di Palestin". *Islam Relitas*, 3(1), 48-64.
- Atika Shafinaz Nazri, Kartini Aboo Talib@Khalid & Nidzam Sulaiman. 2019. "Syrian Muslim refugees in Malaysia: the narratives and survivability". *Islam Realitas*, 5(2), 130-144.
- Azlinariah Abdullah. 2014. "Diaspora Rohingya di Malaysia: pengekalan identiti dan survival masyarakat minoriti". *Sarjana*, 29(1), 107-122.

- Azlinariah Abdullah, Azharudin Mohamed Dali & Mohamad Rodzi Abd Razak. 2018. Surviving stateless refugees: the uncertain future of Rohingya's children in Malaysia, *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 45(1), 177-195.
- Beamon, M.B., & Balcik, B. 2008. "Performance measurement in humanitarian relief Chains". *International Journal of Public Sector Management*, 21(1), 4-25.
- Bianchi, S., 2014. "Advocating "dignity" and "return" for Lebanon's Palestinians: imagining a diasporic project". *Refugee Survey Quarterly*, 33(3), 118–138.
- Byman, D., Lesser, I., Pirnie, B., Benard, C., & Waxman, M. 2000. *Strengthening the partnership : improving military coordination with relief agencies*. RAND project air force. Arlington: RAND.
- Charnovitz, S. 1997. "Two centuries of participation: NGOs and international governance. Michigan". *Journal of International Law*, 18(2), 183-286.
- Christina Ong, Jian Mei Chai, Chee Seng Tan & Swee Mee Tan. 2018. "Communicative readiness and motivation among UNHCR refugee teachers of english in Malaysia". *Journal of Social Science*, 4, 1-9.
- El-Khani, A., Ulph, F., Peters, S. & Calam, R. 2008. "Syria: refugee parents' experiences and need for parenting support in camps and humanitarian settings". *Vulnerable Children and Youth Studies*, 13(1), 19-29.
- Galbreath, J. 2012. "Are boards on board? a model of corporate board influence on sustainability performance", *Journal Of Management & Organization*, 18(4), 445-460.
- Galtung, H., 1986. "A new era nongovernmental organizations in the UN?". *Transnational Association*, 3, 183-186.
- Götz, N. 2008. "Reframing NGOs: the identity of an international relations non-starter". *European Journal of International Relations*, 14(2), 231-258.
- Griffiths, M. & O'Callaghan T. 2002. *International relations: The key concepts*. London: Routledge.
- Guay, T., Doh, J. P., & Sinclair, G. 2004. "Non-governmental organizations, shareholder activism, and socially responsible investments: ethical, strategic, and governance implications". *Journal of Business Ethics*, 52(1), 125-139.
- Hakovirta, H, 1993. "The global refugee problem: a model and its application". *International Political Science Review*, 14(1), 35-57.
- Hall, N. W. T. 2016. "A catalyst for cooperation: the inter-agency standing committee and the humanitarian response to climate change". *Global Governance*, 22(3), 369-387.
- Heyse, L. 2013. "Tragic choices in humanitarian aid: a framework of organizational determinants of NGO decision making". *International*

- Journal of Voluntary and Nonprofit Organizations*, 24(1), 68-92.
- Hoffstaedter, G. 2017. "Refugees, Islam, and the state: the role of religion in providing sanctuary in Malaysia". *Journal of Immigrant & Refugee Studies*, 15(3), 287-304.
- Hui, D. S., I Azhar, E., Madani, T. A., Ntoumi, F., Kock, R., Dar, O. ... Petersen, E. 2020. "The continuing 2019-Ncov epidemic threat of novel coronaviruses to global health -the latest 2019 novel coronavirus outbreak in Wuhan, China", *International Journal of Infectious Diseases*, 91, 264-266.
- Intan Suria Hamzah, Sity Daud, Nor Azizan Idris & Muhammad Shamshinor Abdul Azzis. 2016. "Migrasi rentas sempadan etnik Rohingya dan implikasi terhadap Malaysia", *Jurnal Sains Insani*, 1, 36-43.
- Irrera, D. 2011. "Civil society and humanitarian action: NGOs' roles in peace support operations: review of central European affairs", *Perspectives*, 19(1), 85-106.
- Jordan, L., & Tuijl, P. V. 1998. "Political responsibility in NGO advocacy exploring emerging shapes of global democracy", *Global Forum Policy*: <https://www.globalpolicy.org/component/content/article/176/31355.html> [19 Jun 2015].
- Kanbur, R. 2001. "Economic policy, distribution and poverty: the nature of disagreements", *World Development*, 29(6), 1083-1094.
- Kartini Aboo Talib, Muhammad Helmy Abd. Gapar & Ahmad Munawar Ismail. 2016. "Ekstremisme: maksud dan konteks keganasan", *Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 46(2), 150-177.
- Kersch, A. & Mishtal, J. 2016. "Asylum in crisis: migrant policy, entrapment, and the role of Non-governmental organisations in Siracusa, Italy", *Refugee Survey Quarterly*, 35(4), 97-121.
- Krause, S., Williams, H., Onyango, M. A., Sami, S., Doedens, W., Giga, N., Stone, E. & Tomczyk, B. 2015. "Reproductive health services for Syrian refugees in Zaatri Camp and Irbid City, Hashemite Kingdom of Jordan: an evaluation of the minimum initial services package", *Conflict and Health*, 9(1), 1-10.
- Lewis, D. 2010. *Nongovernmental Organizations, Definition and History*, in Anheier, H.K., Toepler, S., eds., *Encyclopaedia of Civil Society*. 1st Edition. New York: Springer.
- Loescher, G. 2002. "Blaming the victim: refugees and global security", *Bulletin of the Atomic Scientists*, 58(6), 46-53.
- MacTavish, E. 2016. Barriers of reporting sexual violence in Syrian refugee camps (Order No. 10239637). ProQuest Dissertations & Theses Global. (1848960778).
- Makmor Tumin & Robi Nurhadi. 2007. "Sejarah dan perkembangan NGO di Malaysia", *Jurnal Sejarah*, 15, 161-176.

- Mansbach, W. R. & Rafferty, L. K. 2008. *Introduction to Global Politics*. London and New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Marcinkutė, L. 2011. "The role of human rights NGOs: human rights defenders or state sovereignty destroyers?" *Baltic Journal of Law & Politics*, 4(2), 52-77.
- McKay, F. 2004. *The Role of Human Rights NGOs in Relation to ICC Investigations. Human Rights First (The New Name of Lawyers Committee for Human Rights)*. New York: A Human Rights First Publication.
- Mihr, A. 2011. *Non-Governmental Organizations in the Human Rights World in Reinalda, B.*, The Ashgate Research Companion to Non-State Actors. England: Ashgate Publishing Limited.
- Mohd Afandi Salleh, Mohd Roslan Mohd Nor, Mohd Fauzi Abu Husin, Abdul Majid Mohamad, Muhamad Lotfi Yusob & Atika Shafinaz Nazri. 2017. "The role of Malaysian NGOs on Palestinian issues: Aqsa Syarif Berhad", *Pertanika*, 25(S), 133-142.
- Molenaers, N., Jacobs, B. & Dellepiane, S. 2014. "NGOs and aid fragmentation: the Belgian case", *International Journal of Voluntary and Nonprofit Organizations*, 25(2), 378-404.
- Morni Hanim Salleh, Mohd Samsudin & Suffian Mansor. 2016. "Penglibatan organisasi badan bukan kerajaan dalam pendidikan di Tanah Melayu, 1920-1950-an", *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 46(2), 118-149.
- Moustafa, M. 2015. Telepsychiatry and mental health care for Syrian refugees in Turkey (Order No. 3717905). ProQuest Dissertations & Theses Global. (1711728428).
- Murtaza, N., & Austin, M. J., 2011. "Strategic management of NGOs in developing countries", *Journal of Nonprofit Education and Leadership*, 2(1), 7-30.
- MyCARE. <https://www.mycare.org.my/about-us/introduction/> [17 Jun 2020].
- Norazira Ali. 2014. Cabaran-cabaran pelarian Rohingya Muslim: Kajian kes di Pulau Pinang. Social Sciences Postgraduate International Seminar (SSPIS). ISBN 978-967-11473-1- 3. 265-274.
- Olivo, U. M. 2007. "Evolution on the term nongovernmental organization (NGO)", *Revista Venezolana de Análisis de Coyuntura*, 13(2), 97-121.
- Peterson, S. D. 2016. "Refugee Education", *Educational Researcher*, 45(9), 473-482.
- Ritzer, G. 2001. *Globalization: The Essentials*. United Kingdom: Wiley-Blackwell.
- Saravanamuttu, J. 2001. "Malaysian Civil Society-Awakenings?" Dalam Maznah Mohamad dan Wong Soak Koon, *Risking Malaysia Culture, Politics and Identity*. Bangi: Penerbit UKM.

- Skjelsbaek, K. 1971. "The growth of international Nongovernmental organization in twentieth century", *International Organization*, 25(3), 420-442.
- Smith, R., 2015. "History and principles of humanitarian action", *Turk J Emerg Med*, 5(1), 5-7.
- Syahrul Alim Baharuddin & Azlizan Mat Enh. 2018. "Pelarian Vietnam: satu isu global dalam sejarah hubungan luar Malaysia", *Journal of Nusantara Studies*, 3(1), 1-18.
- Teegen, H., Doh, J., & Vachani, S. 2004. "The importance of non-governmental organizations (NGOs) in global governance and value creation: an international business research agenda", *Journal of International Business Studies*, 35(6), 463-483.
- Temu bual bersama Kamarul Zaman, Ketua Pegawai Eksekutif, melalui telefon pada 1 Mei 2020.
- Temu bual bersama Khadijah, Pegawai Projek MyCARE di Seri Kembangan pada 9 November 2019.
- Temu bual bersama Sara, Pegawai Projek MyCARE di Seri Kembangan pada 9 November 2019.
- Temu bual bersama Sara, Pegawai Projek MyCARE di Seri Kembangan pada 17 Febuari 2020.
- Temu bual bersama Syazly, Pegawai Projek MyCARE di Seri Kembangan pada 9 November 2019.
- Temu bual bersama Syazly, Pegawai Projek MyCARE di Seri Kembangan pada 17 Febuari 2020.
- Turner, M. & Hulme, D. 1997. *Governance, Administration and Development: Making the State Work*. USA: Kumarian Press.
- Tzu Chi. <https://www.tzuchi.my/en/> [17 Jun 2020].
- UNICEF. [https://www.unicef.org/cholera/Annexes/Supporting\\_Resources/Annex\\_9/Sphere\\_Handbook\\_English\\_2011\\_web.pdf](https://www.unicef.org/cholera/Annexes/Supporting_Resources/Annex_9/Sphere_Handbook_English_2011_web.pdf) [17 Jun 2020].
- Wierzbicka, A., 2011. "Defining 'the humanities'", *Culture & Psychology*, 17(1), 31-46.
- Yang, A., & Saffer, A. 2018. "NGOs' advocacy in the refugee crisis: a study of agenda building in the digital age", *American Behavioral Scientist*, 62(4), 421-439.
- Zhu, H., Wei, L., & Niu, P. 2020. "The novel coronavirus outbreak in Wuhan, China", *Global Health Research and Policy*, 5(1).

## **Nota Biografi**

Atika Shafinaz Nazri (atikashafinaz@gmail.com) merupakan pelajar Doktor Falsafah di Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nidzam Sulaiman (Ph.D) (nidzammuddin@upm.edu.my) merupakan Profesor Madya di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia dan Sarjana Tamu di Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kepakaran beliau adalah dalam bidang politik perbandingan dan antropologi politik.